

Cabaran pasca

UM 18 OCT 2003

Oleh LOKMAN OTHMAN
(WARTAWAN UTUSAN)

KETIKA menyampaikan ucapan selama 40 minit itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi membuktikan kewibawaannya dan para pemimpin kerajaan anggota OIC yang hadir tidak teragak-agak berdiri dan memberikan tepukan bergemuruh.

Ucapan beliau sarat dengan hakikat yang dihadapi oleh umat Islam ketika ini yang serba-serbi kekurangan – ditindas, lemah, tidak bersatu hati dan pendapat, gagal bertindak balas dan lain-lain masalah.

Jika boleh dibuat perbandingan, ucapan Perdana Menteri Malaysia adalah motivasi berkesan buat negara-negara OIC yang kini lesu dan kebingungan kerana tidak mampu mengejar perubahan yang pantas.

Beliau menyeru negara-negara Islam berhenti bertindak mengikut emosi dan menggunakan pendekatan lama dalam mentafsir konflik sebaliknya menggunakan akal untuk menangannya.

Inilah yang telah ditunjukkan oleh Yahudi yang menggunakan akal untuk bangun dan seterusnya mampu berkuasa ketika ini. Walaupun proses tersebut memakan masa yang panjang, tetapi hasilnya berkesan. Yahudi perkasa dari segi ketenteraan dan ekonomi.

Tetapi nasib umat Islam sehingga ini bukan sahaja tidak bertambah baik malah keadaan semakin buruk. Isu Palestin misalnya gagal diselesaikan walaupun setelah setengah abad berlalu yang menyaksikan OIC bersidang buat kesekian kalinya.

Akibat mengikut emosi umat Islam hanya nampak serangan berani mati sebagai jawapan, sedangkan hasilnya tidak setimpal.

Seorang musuh berjaya dibunuh melalui serangan berani mati, pihak musuh akan membalas dengan membunuh puluhan umat Islam.

Tindakan balasan yang dilaksanakan bukan terhenti di situ sahaja sebaliknya berlarutan berbulan-bulan dan bertahun-tahun. Perdana Menteri mahu negara-negara Islam memandang ke belakang dengan menjadikan kepimpinan Rasulullah s.a.w sebagai teladan berguna.

Umat Islam ketika itu kecil dan lemah, tetapi berkat kewarasan akal, umat Islam akhirnya mencatatkan kecemerlangan dalam semua bidang.

Bagaimanapun resipi tersebut gagal dipertahankan

oleh umat Islam. Kecelaruhan berpolitik menyebabkan mereka berbunuhan sesama sendiri sedangkan bangsa lain membina kekuatan sendiri.

Dr. Mahathir cuba menyedarkan anggota OIC mengenai realiti yang mereka miliki ketika ini.

Kekuatan umat Islam terserlah jika dilihat kepada jumlahnya yang seramai lebih 1.3 bilion, di negara Islam jugalah letaknya kuasa 'minyak hitam', sumber tenaga kerja yang banyak dan pelbagai lagi dan yang paling penting kesemuanya menganut agama yang sama – Islam.

Tetapi malangnya, umat Islam tidak mampu menolak penindasan, malah senjata untuk membunuh juga dibeli daripada musuh. Umat Islam tidak mampu mempertahankan diri sendiri sebaliknya begitu marah jika 'musuh tidak menghulurkan bantuan.'

Bantuan

Dengan kata lain, pendirian umat Islam kini begitu janggal sekali. Mereka rela merengok bantuan perang daripada musuh untuk memerangi saudara sendiri.

Malang sekali, media asing melihat ucapan Dr. Mahathir dari perspektif negatif.

Belum pun deklarasi disita, mereka terus menyifatkan ucapan Dr. Mahathir sebagai anti-Yahudi. Sebuah media dari Australia menyamakan beliau dengan Osama Laden ekoran ucapan yang berterus terang itu.

Kesemua ekoran tafsiran jahat mereka terhadap salah satu daripada petikan ucapannya: "Orang Eropah telah membunuh separuh daripada 12 juta Yahudi tetapi kini Yahudi telah berjaya menguasai dunia melalui proksinya."

Jadi, media asing berkenaan sudah pasti telah memutarbelitkan ucapan Dr. Mahathir yang disampaikan di hadapan para pemimpin 57 negara anggota OIC.

Sesungguhnya media asing telah gagal mentafsir apa yang tersirat di sebalik ucapan itu.

Ini kerana pemikiran mereka telah pun ditetapkan supaya setiap ucapan Perdana Menteri terutama yang berkaitan dengan *survival* umat Islam perlu diputarbelitkan.

